



## PANDUAN MENGISI BORANG SECARA ON-LINE BAGI PERMOHONAN BIASISWA PERSEKUTUAN TAJAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT DIPLOMA DI POLITEKNIK BAGI KEMASUKAN SESI 2009/2010

### Pengenalan

Panduan ini diwujudkan bagi membantu pelajar dan ibubapa/penjaga untuk mengisi borang secara *on-line*. Panduan ini akan menerangkan secara teratur atau langkah demi langkah, semua proses yang terlibat.

Proses-proses terlibat adalah sebagaimana yang dipaparkan / ditunjukkan di bawah:

### Langkah 1: Capaian ke Internet.

Anda perlulah terlebih dahulu mendapatkan komputer yang menyediakan capaian ke internet. Kemudian, sila taip alamat berikut untuk mendapatkan antaramuka (*interface*) eSILA Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia di ruangan *address bar* : **esilav2.jpa.gov.my** kemudian sila tekan kekunci [Enter].



Gambaran 1: Capaian Ke Internet


## Langkah 2: Muat Turun Dokumen-dokumen Berkaitan.

Dokumen-dokumen yang berkaitan dengan permohonan ini boleh anda dapati pada ruangan ketiga di sebelah kanan iaitu pada ruangan **Muat Turun**. Dokumen-dokumen ini adalah seperti;

1. **Syarat-syarat Permohonan Program Biasiswa Politeknik 2009**, dan
2. **Borang Pengesahan Pendapatan Keluarga**.

Arahkan tetikus/mouse anda dan klik ke ruangan terbabit. Satu tettingkap lain akan terpapar pada skrin komputer anda memaparkan dokumen yang anda pilih. Hanya **Borang Pengesahan Pendapatan Keluarga** yang perlu/wajib anda cetak.


Bagi syarat-syarat dan panduan mengisi borang adalah terpulang mengikut kesesuaian/keselesaian anda sama ada membacanya secara *on-line* atau dicetak.



Gambaran 2: Muat Turun Dokumen Berkaitan

### Langkah 3 : Capaian ke ruangan Permohonan Biasiswa Politeknik Sesi 2009/2010


Setelah selesai langkah 1 dan 2, anda bolehlah memulakan proses permohonan dengan klik pautan **Permohonan Biasiswa Politeknik Sesi 2009/2010** pada ruangan **Permohonan Atas Talian**.



Gambaran 3: Capaian ke ruangan Permohonan

### Langkah 4 : Capaian Ke Ruangan Menu Daftar Pengguna Baru

Anda akan mendapat skrin di bawah ini secara lalai (*default*). Sila pilih perkataan [sini] bagi 'Sila klik di **sini** bagi pemohon yang belum mendaftar.' untuk mencipta pengguna baru.



Gambaran 4: Menu Log Masuk

### **Langkah 5: Mula Mendaftar Sebagai Pengguna Baru**

Pada peringkat ini, semua pelajar ataupun wakil bagi pelajar yang memohon tersebut, mengambil perhatian supaya;

1. memasukkan **nombor MyKad yang betul** bagi **mengelakkan kesalahan nombor MyKad berlaku**. Sekiranya timbul, **pemohon dengan nombor MyKad yang sebenar (sekiranya ada) gagal mendaftarkan diri**, dan
2. jika **permohonan dibuat di cyber cafe** atau seumpamanya ataupun **permohonan dibuat untuk dua(2) orang atau lebih, menggunakan komputer yang sama**, maka pemohon perlulah membuat proses **cache clearing**. Proses ini dibuat bagi **mengelakkan berlakunya pertindihan di dalam simpanan sistem bagi data/maklumat para pelajar** yang memohon.

Proses ini boleh dibuat sepertimana di bawah;

- a. Sekiranya menggunakan pelayar **Internet Explorer**;
  - i. Pada **Menu Bar**, pilih **Tools**. - Klik pada **Internet Options**.
  - ii. Satu tettingkap baru akan terpapar. Sila ke ruangan **Temporary Internet Files** atau ke ruangan **Browsing History**,sila pilih/klik butang atau butang-butang **Delete** yang berkaitan.
- b. Sekiranya menggunakan pelayar **Mozilla**;
  - i. Pada **Menu Bar**, pilih **Tools** – Klik pada **Clear Recent History**.
  - ii. Satu tettingkap baru akan terpapar. Sila pilih/klik butang **Clear Now**.

Sekiranya anda telah ambil maklum dengan langkah 1 dan 2 seperti di atas maka bolehlah anda teruskan proses permohonan ini.

Pada menu sepertimana di bawah ini, sila masukkan;

1. nombor MyKad anda ke ruangan **Nombor MyKad**, kemudian
2. alamat emel anda ke ruangan **Emel**, kemudian
3. katalaluan anda ke ruangan **Katalaluan**, kemudian
4. katalaluan anda (sekali lagi) ke ruangan **Ulang Katalaluan**.

Selepas itu, sila klik butang **Hantar** atau tekan kekunci [enter] untuk meneruskan proses pendaftaran anda.

**Menu Daftar Pengguna Baru**

Nombor MyKad : 910106146001

Emel : qamarool@abc.com

Katalaluan : ●●●●●●

Ulang Katalaluan : ●●●●●●

**Hantar**

Sila klik di [sini](#) untuk kembali ke Menu Log Masuk.

**PERHATIAN!!!  
SILA CATAT  
KATALALUAN ANDA  
BAGI MENGELAKKAN  
TERLUPA  
KATALALUAN**

Sila klik di sini untuk menghantar permohonan sebagai pengguna baru.

Gambaran 5: Mendaftar Sebagai Pengguna Baru

Sekiranya anda telah berjaya didaftarkan, anda akan mendapat skrin di bawah. Sila klik perkataan [[sini](#)] di ruangan 'Sila klik di [sini](#) untuk kembali ke Menu Log Masuk'.

**Menu Daftar Pengguna Baru**

Sila klik di sini untuk proses seterusnya.

**Pemberitahuan**

Anda telah berjaya mendaftar.

Sila klik di [sini](#) untuk kembali ke Menu Log Masuk.

Gambaran 6: Makluman Berjaya Mendaftar

## Langkah 6: Proses Log Masuk Pengguna ke Borang Permohonan

Sila masukkan;

1. Nombor MyKad di ruangan **Nombor Mykad**, dan
2. Katalaluan di ruangan **Katalaluan**.

**Menu Log Masuk**

Nombor MyKad :

Kata Laluan :

(Kata laluan CASE SENSITIVE)

Sila klik di **sini** sekiranya terlupa katalaluan.  
Sila klik di **sini** bagi pemohon yang belum mendaftar.  
Sila klik di **sini** untuk muat turun panduan pengguna.

Sila klik di sini untuk mencapai borang.

Gambaran 7: Log Masuk Pengguna

Selepas itu, anda akan mendapat skrin sepertimana di bawah. Pada skrin ini, sila baca dengan teliti semua maklumat dan keterangan. Apabila selesai, sila klik kekotak **checkbox** seperti di ruangan yang ditunjukkan sebagai tanda pengakuan anda terhadap semua keterangan yang diberikan sebelum dapat mencapai borang permohonan.

**Menu Log Masuk**

Nombor MyKad Pemohon : 910106146001

Sila klik di sini untuk log keluar

**PERINGATAN :**

1. Sila matikan / *disable* [popup blocker] bagi kelancaran proses permohonan.
2. Sila pastikan anda telah membaca panduan dan syarat-syarat dengan teliti.
3. Sila lengkapkan borang ini dengan maklumat yang betul.
4. Sila semak maklumat permohonan dengan teliti.
5. Permohonan baru yang dihantar akan membatalkan permohonan sebelumnya.
6. Maklumat akan disimpan sebaik sahaja butang [simpan maklumat] ditekan.
7. Kerjasama anda menjadikan proses permohonan berjalan dengan lancar.

**PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan adalah betul dan benar belaka. Saya juga faham jika keterangan yang diberikan kelak didapati palsu, Jabatan Perkhidmatan Awam berhak untuk menolak permohonan saya. Saya juga faham JPA tidak terikat untuk meluluskan permohonan saya walaupun telah memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan.

Sila klik di sini jika bersetuju dengan syarat

Sila klik di sini untuk mencapai borang. 2

Sila klik di sini sebagai tanda persetujuan dan seterusnya untuk mencapai borang. 1

Sila klik ikon di atas untuk mencapai borang permohonan

Gambaran 8: Pengguna Pengguna  
Langkah 7: Contoh Kemasukan Borang Maklumat Profil Pemohon

Pemohonan Program Biasiswa Dalam Negeri (POLITEKNIK)

Sila klik di sini untuk log keluar dari borang **[LOG KELUAR]**

**BORANG MAKLUMAT PROFIL**

**A. Butiran Diri**

No. MyKad : 910106146001 Agama : ISLAM  
Nama Penuh : MUHAMMAD QAMAROOOL E Lain : MELAYU  
Jantina : LELAKI  
Tarikh Lahir : 06/01/1991 **Sila klik di sini untuk memilih tarikh lahir**  
Negeri Kelahiran : WILAYAH PERSEKUTUAN (KUALA LUMPUR) Taraf : BUMIPUTERA  
\* Negeri Kelahiran Lain : Taraf Perkahwinan : BUJANG  
Bandar Kelahiran : SELAYANG BAHRU Pernah Ditaja JPA? : TIDAK  
Alamat Emel : qamarool@abc.com

**B. Butiran Alamat**

(i). Alamat Tetap

Alamat : NOMBOR 8, \* No. Telefon Rumah : 0361814598 Contoh: 0366669999  
: JALAN 29, No. Telefon Bimbit1 : 0101122333 Contoh: 0136666999  
: Poskod : 61800 No. Telefon Bimbit2 :  
Daerah/Bandar : SELAYANG BAHRU Nota (\*) : Jika tiada, masukkan no. telefon bimbit.  
Negeri : SELANGOR  
\* Negeri Lain :

Sila klik di sini sekiranya alamat surat-menyurat sama dengan alamat tetap.  **Sila klik di sini jika alamat adalah sama dengan alamat tetap**

(ii). Alamat Surat-Menyurat

Alamat : NOMBOR 8, Poskod : 61800  
: JALAN 29, Daerah/Bandar : SELAYANG BAHRU  
: Negeri : SELANGOR  
\* Negeri Lain :

**C. Butiran Ibubapa/Penjaga**

(i). Bapa/Penjaga

No. MyKad : 600101101121 Contoh: 780702015 No. Cukai Pendapatan (RM) : 0.00 Contoh: 1911.61  
Nama Penuh : MASRUDDIN BIN MANSOR \* No. Cukai Pendapatan : TIADA MAKLUMAT  
Keturunan : MELAYU \* No. Pencen : TIADA  
\* Keturunan Lain :  
Warganegara : MALAYSIA  
Taraf : BUMIPUTERA  
Status : MENINGGAL DUNIA  
Hubungan : BAPA

**Sila biarkan maklumat ini sepertimana yang terpapar (0.00) jika tiada maklumat**

**Sila biarkan maklumat ini sepertimana yang terpapar (TIADA) jika tiada maklumat**

(ii). Ibu/Penjaga

No. MyKad : 650820106000 Contoh: 780702015881 \* Pendapatan Kasar (RM) : 4000 Contoh: 1911.61  
Nama Penuh : YAUMEZAH BINTI JUSOH Pekerjaan : SWASTA  
Keturunan : MELAYU \* No. Cukai Pendapatan : SG 10001001-03(1)  
\* Keturunan Lain : \* No. Pencen : TIADA  
Warganegara : MALAYSIA  
Taraf : BUMIPUTERA  
Status : MASIH HIDUP  
Hubungan : IBU

**Sila klik di sini untuk menyimpan maklumat**

(iii). Bilangan Ahli Keluarga

Bilangan Tanggungan : 4 Orang (Tidak termasuk Ibubapa/Penjaga yang menyara keluarga)

**SIMPAN MAKLUMAT**

Gambaran 9: Contoh Pengisian Borang Maklumat Profil Pemohon




Apabila semua maklumat pada **Borang Maklumat Profil Pemohon** telah dipenuhi seperti yang dipaparkan pada **Gambaran 9**, maka pemohon atau wakil pemohon perlulah menyemak semula semua maklumat tersebut sebelum menekan butang **Simpan Maklumat**.

Maklumat-maklumat yang perlu diberi perhatian pada borang ini adalah seperti ruangan;

1. **Nama Penuh** pemohon,
2. **No. Telefon**,
3. **Alamat surat-menyurat**,
4. **No. Cukai** atau **No. Pencen** bagi **Ibubapa/Penjaga**, dan
5. Maklumat-maklumat lain yang difikirkan penting seperti **Status** dan **Hubungan Ibubapa/ Penjaga**.

Selepas itu, sila klik butang **Simpan Maklumat** untuk meneruskan proses pendaftaran anda.



Gambaran 10: Makluman Berjaya Simpan Maklumat Profil Pemohon



### Langkah 8: Contoh Kemasukan Borang Maklumat Akademik Pemohon

Sekiranya pemohon menggunakan kelayakan masuk SPM dengan aliran Sains atau Sastera, maka paparan adalah sebagaimana berikut;

**Permohonan Program Biasiswa Dalam Negeri (POLITEKNIK)**

Sila klik di sini untuk log keluar dari borang **LOG KELUAR**

**BORANG MAKLUMAT AKADEMIK PEMOHON**

Pemohon : (910106146001)

**D. Butiran Pengajian Sekarang**

i. Butiran Institusi

Nama Politeknik : POLITEKNIK UNGKU OMAR, IPOH

Nama Fakulti/Bidang : TEKNOLOGI MAKANAN

Nama Kursus/Program : TEKNOLOGI MAKANAN

Sila klik di sini untuk memilih tarikh mula pengajian

ii. Butiran Pengajian

Jenis : SEPENUH MASA Tahun Semasa : TAHUN SATU

Peringkat : DIPLOMA Sesi Kemasukan : JULAI

Tempoh Semester : 4 Tarikh Mula Pengajian : 31/07/2009

**E. Butiran Kelayakan Masuk**

Keputusan Peperiksaan SPM Untuk Tahun : 2008

i. Mata Pelajaran / Subjek Teras :

Nama Mata Pelajaran	Keputusan
1. BAHASA MELAYU	2A
2. BAHASA INGGERIS	3B
3. SEJARAH	1A
4. MATEMATIK	4B
5. PENDIDIKAN ISLAM	3B

(MAKSIMUM 14 SUBJEK)

Nama Aliran Pilih

1. Sains/Sastera	<input checked="" type="checkbox"/>
2. Teknik dan Vokasional	<input type="checkbox"/>
3. Mata Pelajaran / Subjek Bahasa	<input type="checkbox"/>

Sila klik di sini untuk pelajar aliran Sains atau Sastera

ii. Mata Pelajaran / Subjek Sains/Sastera (Elektf):

Nama Mata Pelajaran	Keputusan
1. SAINS	3B
2. PRINSIP AKAUN	5C
3. ...SILA PILIH ...	...SILA PILIH ...
4. ...SILA PILIH ...	...SILA PILIH ...
5. ...SILA PILIH ...	...SILA PILIH ...
6. ...SILA PILIH ...	...SILA PILIH ...
7. ...SILA PILIH ...	...SILA PILIH ...
8. ...SILA PILIH ...	...SILA PILIH ...
9. ...SILA PILIH ...	...SILA PILIH ...
10. ...SILA PILIH ...	...SILA PILIH ...
11. ...SILA PILIH ...	...SILA PILIH ...
12. ...SILA PILIH ...	...SILA PILIH ...
13. ...SILA PILIH ...	...SILA PILIH ...
14. ...SILA PILIH ...	...SILA PILIH ...

Sila klik di sini untuk menyimpan maklumat

**SIMPAN MAKLUMAT**

Gambaran 11: Contoh Pengisian Borang Maklumat Akademik Pemohon Aliran Sains/Sastera

Sekiranya pemohon menggunakan kelayakan masuk SPM dengan aliran Teknik atau Vokasional, maka paparan adalah sebagaimana berikut;

**Permohonan Program Biasiswa Dalam Negeri (POLITEKNIK)** Sila klik di sini untuk log keluar dari borang **[LOG KELUAR]**

**BORANG MAKLUMAT AKADEMIK PEMOHON**

Pemohon : (910106146001)

D. Butiran Pengajian Sekarang

i. Butiran Institusi

Nama Politeknik : POLITEKNIK UNGKU OMAR, IPOH  
Nama Fakulti/Bidang : TEKNOLOGI MAKANAN  
Nama Kursus/Program : TEKNOLOGI MAKANAN

ii. Butiran Pengajian

Jenis : SEPENUH MASA Tahun Semasa : TAHUN SATU  
Peringkat : DIPLOMA Sesi Kemasukan : JULAI  
Tempoh Semester : 4 Tarikh Mula Pengajian : 31/07/2009

E. Butiran Kelayakan Masuk

Keputusan Peperiksaan SPM Untuk Tahun : 2008

i. Mata Pelajaran / Subjek Teras :

Nama Mata Pelajaran	Keputusan
1. BAHASA MELAYU	2A
2. BAHASA INGGERIS	3B
3. SEJARAH	1A
4. MATEMATIK	4B
5. PENDIDIKAN ISLAM	3B

SILA PILIH MATA PELAJARAN TAMBAHAN/ELEKTIF ANDA  
(MAKSIMUM 14 SUBJEK)

Nama Aliran	Pilih
1. Sains/Sastera	<input type="checkbox"/>
2. Teknik dan Vokasional	<input checked="" type="checkbox"/>
3. Mata Pelajaran / Subjek Bahasa	<input type="checkbox"/>

ii. Mata Pelajaran / Subjek Teknik/Vokasional (Elektif):

Nama Mata Pelajaran	Keputusan
1. KATERING DAN PENYAJIAN	1A
2. MEMBUAT ROTI DAN PATISSERIE	2A
3. --- SILA PILIH ---	--- SILA PILIH ---
4. --- SILA PILIH ---	--- SILA PILIH ---
5. --- SILA PILIH ---	--- SILA PILIH ---
6. --- SILA PILIH ---	--- SILA PILIH ---
7. --- SILA PILIH ---	--- SILA PILIH ---
8. --- SILA PILIH ---	--- SILA PILIH ---
9. --- SILA PILIH ---	--- SILA PILIH ---
10. --- SILA PILIH ---	--- SILA PILIH ---
11. --- SILA PILIH ---	--- SILA PILIH ---
12. --- SILA PILIH ---	--- SILA PILIH ---
13. --- SILA PILIH ---	--- SILA PILIH ---
14. --- SILA PILIH ---	--- SILA PILIH ---

**[SIMPAN MAKLUMAT]**

Gambaran 12: Contoh Pengisian Borang Maklumat Akademik Pemohon Aliran Teknik/Vokasional

Sekiranya pemohon menggunakan kelayakan masuk SPM dengan subjek tambahan Bahasa, maka paparan adalah sebagaimana berikut;

Pemohonan Program Biasiswa Dalam Negeri (POLITEKNIK)

Sila klik di sini untuk log keluar dari borang [LOG KELUAR]

BORANG MAKLUMAT AKADEMIK PEMOHON

Pemohon : (910106146001)

D. Butiran Pengajian Sekarang

i. Butiran Institusi

Nama Politeknik : POLITEKNIK UNGKU OMAR, IPOH

Nama Fakulti/Bidang : TEKNOLOGI MAKANAN

Nama Kursus/Program : TEKNOLOGI MAKANAN

Sila klik di sini untuk memilih tarikh mula pengajian

ii. Butiran Pengajian

Jenis : SEPENUH MASA Tahun Semasa : TAHUN SATU

Peringkat : DIPLOMA Sesi Kemasukan : JULAI

Tempoh Semester : 4 Tarikh Mula Pengajian : 31/07/2009

E. Butiran Kelayakan Masuk

Keputusan Peperiksaan SPM Untuk Tahun : 2008

i. Mata Pelajaran / Subjek Teras :

Nama Mata Pelajaran	Keputusan
1. BAHASA MELAYU	2A
2. BAHASA INGGERIS	3B
3. SEJARAH	1A
4. MATEMATIK	4B
5. PENDIDIKAN ISLAM	3B

SILA PILIH MATA PELAJARAN TAMBAHAN/ELEKTIF ANDA (MAKSIMUM 14 SUBJEK)

Nama Aliran	Pilih
1. Sains/Sastera	<input type="checkbox"/>
2. Teknik dan Vokasional	<input type="checkbox"/>
3. Mata Pelajaran / Subjek Bahasa	<input checked="" type="checkbox"/>

Sila klik di sini untuk pelajar yang mengambil subjek bahasa

ii. Mata Pelajaran / Subjek Bahasa (Tambahan):

Nama Mata Pelajaran	Keputusan
1. BAHASA ARAB (KOMUNIKASI)	1A
2. --- SILA PILIH ---	--- SILA PILIH ---
3. --- SILA PILIH ---	--- SILA PILIH ---
4. --- SILA PILIH ---	---
5. --- SILA PILIH ---	---
6. --- SILA PILIH ---	---

Sila klik di sini untuk menyimpan maklumat

SIMPAN MAKLUMAT


Gambaran 13: Contoh Pengisian Borang Maklumat Akademik Pemohon dengan Subjek Bahasa

Walaupun, untuk bahagian (ii) pada Bahagian E (Butiran Kelayakan Masuk), anda masih boleh memilih subjek-subjek lain dalam kelompok kategori Mata Pelajaran yang berbeza.


Sekiranya telah selesai, sila pilih/klik pada butang **Simpan Maklumat** untuk proses seterusnya iaitu mencetak slip permohonan.

Apabila butang sepertimana **Gambaran 13** dipilih, anda akan mendapat satu tettingkap baru yang akan memaparkan **Slip Permohonan** pelajar sepertimana ditunjukkan pada **Gambaran 15**.

(Sila ikut arahan mengikut urutan dari no. 1 ke no. 4)



Gambaran 14: Makluman Berjaya Simpan Maklumat Akademik Pemohon



Gambaran 15: Slip Permohonan Pelajar


## Proses Kemaskini

Bagi pemohon-pemohon yang mempunyai sebarang kesalahan selepas proses kemasukan maklumat untuk kedua-dua borang permohonan, anda masih boleh memperbaiki kesalahan tersebut dengan langkah-langkah sebagaimana yang ditunjukkan di bawah;

### Langkah 1: Capaian ke Internet.

Sepertimana proses permohonan yang ditunjukkan sebelum ini, anda terlebih dahulu perlulah mempunyai capaian internet pada komputer anda.

Masuk ke laman web [esilav2.jpa.gov.my](http://esilav2.jpa.gov.my), kemudian klik pada pautan **Permohonan Biasiswa Politeknik Sesi 2009/2010** pada ruangan **Permohonan Atas Talian**.



Gambaran 16: Capaian Ke Ruangan Permohonan

## Langkah 2: Proses Log Masuk Pengguna ke Menu Pengguna.

Sila masukkan;

3. Nombor MyKad di ruangan **Nombor Mykad**, dan
4. Katalaluan di ruangan **Katalaluan**.

**Menu Log Masuk**

Nombor MyKad :

Kata Laluan :

(Kata laluan CASE SENSITIVE)

Sila klik di **sini** sekiranya terlupa katalaluan.  
Sila klik di **sini** bagi pemohon yang belum mendaftar.  
Sila klik di **sini** untuk muat turun panduan pengguna.

Gambaran 17: Log Masuk Pengguna

Selepas itu, anda akan mendapat skrin sepertimana di bawah. Pada skrin ini anda dibenarkan untuk membuat sama ada **Cetak Slip Permohonan** atau menyemak/kemaskini sama ada **Borang Maklumat Profil / Borang Maklumat Akademik Pemohon**.

**Menu Pengguna**

Nama Pemohon : **MUHAMMAD QAMAROOOL BIN MASRUDDIN**

No. MyKad : **910106146001**

Status : Anda telah membuat pengemaskinian borang sebanyak **0** kali.

Sila klik di sini untuk log keluar dari menu

Status bilangan kali anda mengemaskini


 Cetakan Slip Permohonan	 Semakan/Kemaskini Borang Maklumat Profil	 Semakan/Kemaskini Borang Maklumat Akademik
---	--	--

Sila buat pilihan untuk proses cetakan/semakan/kemaskini

Gambaran 18: Paparan Menu Pengguna



Setiap kali membuat kemaskini untuk sama ada **Borang Maklumat Profil** atau **Akademik Pemohon**, anda akan mendapat paparan sepertimana di bawah;



Gambaran 19: Makluman Berjaya Kemaskini Borang Pilihan

### Peringatan 1: Perubahan Pada Paparan Menu Pengguna (Cetakan Slip Tidak Dibenarkan)

Bagi pemohon yang hanya berjaya melengkapkan **Borang Maklumat Profil Pemohon** kerana kemungkinan berlaku masalah capaian atau telah log keluar, anda akan mendapat **Menu Pengguna** sebagaimana **Gambaran 20** di bawah.

Anda perlulah melengkapkan **Borang Maklumat Akademik Pemohon** terlebih dahulu. Ini boleh dilakukan dengan memilih / klik pada ikon **Semakan/Kemaskini Borang Maklumat Akademik**. Perlu diingat bahawa cetakan slip permohonan hanya boleh dilakukan setelah anda telahpun melengkapkan kedua-dua borang.





Gambaran 20: Paparan Menu Pengguna Dengan Sekatan Cetakan Slip Permohonan

**Peringatan 2: Perubahan Pada Paparan Menu Pengguna  
(Capaian Kedua-dua Borang Tidak Dibenarkan)**

Sekiranya anda telah membuat proses **kemaskini pada mana-mana borang lebih 3 kali**, maka **anda tidak dibenarkan membuat sebarang kemaskini lagi kecuali untuk mencetak slip permohonan**. Paparan adalah sebagaimana yang ditunjukkan di bawah;



Gambaran 21: Paparan Menu Pengguna Dengan Sekatan Borang Permohonan